

# Ahli-ahli Muslimah gabungan enam masjid adakan bacaan Ratib Al-Attas



ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Dayang Hajah Nahriah binti Haji Asbi (tengah) hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Berita dan Foto : Rohani Haji Abdul Hamid

MENTIRI, Ahad, 29 Oktober. - Ahli Muslimah Takmir Masjid Kampung Batu Marang mengadakan bacaan Ratib Al-Attas sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Dayang Hajah Nahriah binti Haji Asbi. Majlis dimulakan dengan

penyerahan buku Ratib Al-Attas kepada Ahli-ahli Muslimah yang disampaikan oleh tetamu kehormat dan diteruskan dengan bacaan Ratib Al-Attas yang dipimpin oleh Dayang Noor Rafizah binti Haji Ahmad. Majlis disertai Ahli-ahli Muslimah dari Masjid Kampung Sungai Buloh, Masjid Kampung Kapok, Masjid Kampung Sungai Bunga, Masjid Sungai Besar, Masjid Kampung Mentiri dan Masjid Setia Ali Pekan Muara.

# Lebih 400 sertai Seminar Kebangsaan Pendidikan Syariah Fiqh Al-Ibadat



PEMANGKU Setiausaha Tetap KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah (kiri) hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada salah seorang pembentang pada sebelah petang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Oktober. - Fakulti Syariah melalui Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menganjurkan Seminar Kebangsaan Pendidikan Syariah Fiqh Al-Ibadat.

Seminar sehari itu bertemakan 'Penghayatan Ibadat yang Syumul Asas Pembinaan Kualiti Modal Insan' diadakan di Dewan Tarbiyah, KUPU SB.

Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin, hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan majlis perasmian juga selaku Pembentang Kertas Perdana bertajuk 'Falsafah Negara Zikir Hubungannya dengan Pembinaan Kualiti Sahsiyah Muslim'.

Seminar disertai oleh lebih 400 peserta terdiri daripada pegawai-pegawai dan guru-guru serta mahasiswa juga mahasiswi kolej serta moderator seminar yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah kolej berkenaan.

Para pembentang kertas kerja terdiri daripada Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Syariah, Yang Arif Awang Haji Johar bin Haji Muhamad dengan tajuk 'Keberkesanan Keluarga Sakinah dalam Kesempurnaan Ibadat'; Pemangku Ketua Pegawai Istinbat, Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Maznan bin Haji Yusof dengan tajuk 'Kepentingan Halalan Tayyiban dalam Kesempurnaan Ibadat'; Penolong Kanan Profesor,

Fakulti Pendidikan, KUPU SB, Dr. Ahmad Yunus bin Kasim dengan tajuk 'Pendidikan Fiqh Ibadat yang Efektif di Institusi Pengajian Islam'.

Turut membentangkan kertas kerja ialah Penolong Kanan Profesor, Fakulti Pendidikan, KUPU SB, Dr. Ismail bin Abas, bertajuk 'Pendidikan Guru dalam Konteks Pembentukan Insan Melalui Ibadat'; Penolong Kanan Profesor, KUPU SB, Dr. Haji Abd. Rauf bin Muhammad Amin dengan tajuk 'Konsep Maqasid al-Syariah dalam Bidang Fiqh Ibadat' dan Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Abdul Nasir bin Haji Abd. Rani dengan tajuk 'Pembangunan Ekonomi Ummah Menerusi Penghayatan Ibadat'.

Pada sebelah petangnya pula, Pemangku Setiausaha Tetap KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi Majlis Penutup Seminar.

Dalam ucapan yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar selaku wakil kepada Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajjah binti Haji Mokhtal selaku Pengerusi Bersama, antara lain menyatakan seminar adalah sempena Sambutan Hari Guru Ke-27 dengan tujuan untuk memperdalam dan mempertingkatkan wawasan akademik serta spiritual mengenai ajaran-ajaran ibadat dalam

Oleh : Dk. Siti Redzaimi  
Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Zul-Izzi  
Haji Duraman

Islam selain mengenal pasti isu-isu dan solusi berkaitan dengan fiqh ibadat dalam Islam secara teori serta praktikal.

Seminar juga mampu membentangkan idea-idea dan hasil kajian akademik yang bersangkut-paut dengan isu-isu pendidikan mengenai fiqh ibadat.

Majlis diteruskan dengan Pembentangan Resolusi Seminar oleh Timbalan Dekan Fakulti Syariah selaku Timbalan Pengerusi Bersama, Dr. Haji Abd. Rauf bin Mohd. Amin.

Ia diakhiri dengan penyerahan resolusi dan cenderahati daripada Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar kepada tetamu kehormat.



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan majlis perasmian pada sebelah pagi.



DEKAN Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) selaku Pengerusi Bersama, Datin Dr. Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kaseh semasa ucapan alu-aluan.

## Mangsa kebakaran terima bantuan



PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Dayang Hajah Noridah binti Abdullah juga selaku Ketua Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan ketika menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang wakil penerima.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Oktober. - Bagi meringankan beban yang dihadapi oleh keluarga para pelajar dan guru yang terlibat dalam kebakaran di Kampung Saba Tengah pada 4 Ogos lalu dan memastikan pengajaran serta

pembelajaran tidak terjejas, Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Pendidikan Swasta mengadakan Majlis Penyerahan Bantuan Derma berupa wang tunai.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Pendidikan, majlis

penyerahan berlangsung di Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan, Jalan Landasan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Para pelajar berkenaan terdiri daripada dua pelajar Tahun 4 dan KG3, Sekolah Nusa Laila Puteri, Kampung Kiulap dan guru dari Sekolah Saint Andrew.

Hadir bagi menyampaikan sumbangan derma ialah Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Dayang Hajah Noridah binti Abdullah juga selaku Ketua Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan.

Sumbangan tersebut merupakan hasil derma daripada Bahagian Pendidikan Swasta, pelajar-pelajar dan guru-guru Institusi Pendidikan Formal Swasta dan Institusi Pengajian Swasta sebagai tanda prihatin juga rasa pemedulian terhadap kesejahteraan para pelajar dan guru terlibat.

Turut hadir ialah Ketua-ketua Unit dan Pegawai Pelajaran Kanan, Bahagian Pendidikan Swasta, guru dan ibu bapa serta penjaga pelajar-pelajar berkenaan.